

IBADAH KORBAN DEKATKAN DIRI KEPADA ALLAH SWT, ERAT SILATURAHIM

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّبِّ الْعَظِيمِ :

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَذْكُرُوا أَسْمَ اللّٰهِ عَلٰى مَا رَزَقَهُمْ مِنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَمِ فَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ

وَاحِدٌ فَلَهُ أَسْلِمُوا وَدَشِّرِ الْمُخْبِتِينَ 

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنِ
اهْتَدَى بِهُدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

PARA JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ وَلَا تَنْظُرْ نَفْسٌ مَا قَدَّمَتْ لِغَيْرٍ وَاتَّقُوا اللّٰهَ إِنَّ اللّٰهَ خَبِيرٌ بِمَا

تَعْمَلُونَ 


Maksudnya: "Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). (sekali lagi dingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan." (S. Al-asyr: 18).

Oleh itu saudara-saudara Muslimin sekalian, sama-sama lah kita laksanakan titah perintah Allah SWT ini. Mudah-mudahan kita tergolong orang yang bertaqwa, seterusnya beroleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Marilah kita rafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, kita berkesempatan sekali lagi berada di bulan Zulhijjah yang mempunyai banyak fadilat dan kelebihannya ini. Inilah bulan orang Islam yang berkemampuan berkunjung ke Baitullah mengerjakan ibadah haji sebagai melengkapkan rukun Islam kelima. Didoakan semoga kesemua para jemaah haji yang kini sudahpun berada di tanah suci Makkah sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat agar dapat melaksanakan ibadah dengan sempurna, seterusnya berhasil memperolehi haji yang mabrur. Insya Allah!

Dalam pada itu, kita yang berada di tanah air tidak harus membiarkan bulan Zulhijjah ini berlalu pergi begitu sahaja tanpa mengisinya dengan amal-amal yang bermanfaat. Ini kerana, pada bulan Zulhijjah, terdapat masa atau hari yang dibesarkan dan dimuliakan oleh Allah SWT. Antaranya ialah sepuluh hari pertama Zulhijjah, sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:



Maksudnya: "*Demi waktu fajar; Dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah);*" (S. Al-Fajr: 1-2).

Mafhum ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT menganugerahkan pada sepuluh malam terawal bulan Zulhijjah dengan kelebihan-kelebihan yang lebih besar dan hebat daripada malam-malam yang lain. Kenyataan ini diperkuuhkan lagi dengan hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Tidak ada dari hari-hari yang dilakukan amal soleh padanya yang lebih disukai oleh Allah daripada hari-hari yang sepuluh ini.

Sahabat bertanya, Wahai Rasulullah! Dan tidakkah juga berjihad fi sabillillah (lebih afdal daripada beramal pada hari-hari ini)?

Jawab Rasulullah SAW, "Tidak juga berjihad fi sabillillah, kecuali orang yang berjihad dengan diri dan hartanya dan kemudian dia syahid". (HR Al-Bukhari).

Firman Allah SWT dan sabda Rasulullah yang menjelaskan perihal kelebihan dan keistimewaan sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah ini merupakan galakan kepada umat Islam supaya memperbanyakkan amal soleh. Antara amalan yang sunat dilakukan dan digalakkan ialah:

Pertama, mengerjakan ibadah puasa, terutama sekali pada hari Arafah (9 Zulhijjah) kerana puasa pada hari tersebut menghapuskan dosa setahun yang lalu dan yang akan datang. Ini sebagaimana Hadith daripada Abi Qatadah, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Puasa pada hari Arafah menghapuskan dosa setahun yang lalu dan yang akan datang." (HR Muslim).

Kedua, memperbanyakkan zikir, yakni bertahlil, bertakbir dan bertahmid. Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Tidak ada hari yang lebih besar di sisi Allah SWT dan beramal padanya lebih dikasihi oleh Allah dari hari-hari yang sepuluh ini. Maka perbanyakkanlah padanya bertahlil (La-ilaha-illallah), bertakbir (Allahu Akbar) dan bertahmid (Alhamdulillah). (HR Ahmad).

Ketiga, Menyambut dan merayakan Aidiladha atau Hari Raya Korban (hari Nahr), pada 10 Zulhijjah. Ia disambut dengan menunaikan solat hari raya secara berjemaah pada pagi 10 Zulhijjah, mendengar khutbah yang disampaikan oleh khatib supaya mendapat pengajaran daripadanya dan disusuli dengan pelaksanaan ibadah korban. Ini sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya perkara pertama yang kita mulakan pada hari ini (Aidiladha) ialah kita solat kemudian menyembelih (binatang korban). Oleh itu, sesiapa yang melakukan sedemikian dia telah menepati sunah kami. Sesiapa yang menyembelih sebelum solat, sesungguhnya sembelihan itu hanyalah menjadi daging untuk diberikan kepada keluarganya (sedekah) bukan termasuk binatang korban.” (HR Muslim).

HADIRIN JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Tuntutan menyembelih korban juga terakam di dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحِرْ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur) Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, dialah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diingininya).” (S. Al-Kauthar: 1-3).

Ibadah korban bermaksud menyembelih binatang ternakan seperti unta, lembu, kerbau dan kambing. Waktu perlaksanaannya ialah sesudah selesai sembahyang sunat Aidil Adha dan pada hari-hari tasyrik, iaitu tanggal 11, 12 dan 13 Zulhijjah. Ia sebagai menghidupkan syariat Nabi Ibrahim AS yang bersedia serta sanggup berkorban menyembelih anaknya Ismail AS demi menyahut perintah Allah SWT.

Jumhur ulama berpendapat bahawa hukum menyembelih korban adalah sunat muakkad, iaitu sunat yang sangat-sangat dituntut. Darjah sunat ini lebih tinggi daripada sunat biasa dan pahalanya juga lebih besar.

Justeru, Rasulullah SAW mengingatkan orang yang berkemampuan melaksanakan ibadah mulia ini supaya jangan memperkecil-kecilkan tuntutan korban ini. dari Abi Hurairah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

“*Sesiapa yang mempunyai kelapangan (mampu) untuk berkorban tetapi dia tidak berkorban, maka janganlah dia datang mendekati tempat kami bersembahyang (masjid kami) ini*”. (HR Ahmad dan Ibnu Majah)

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Menyentuh mengenai erti ibadah korban ini, pernah seorang sahabat bertanya kepada Rasulullah SAW:

“Wahai Rasulullah, apakah erti korban ini?” ujar sahabat.

“Itulah sunah daripada nenekmu Ibrahim,” jawab Rasulullah.

“Apakah keuntungan korban itu untuk kita?” tanya sahabat lagi.

“Tiap-tiap bulunya merupakan satu kebaikan (hasanah),” jawab Rasulullah.” (HR Ahmad dan Ibnu Majah dari Zaid bin Arqam).

Sehubungan itu, sesiapa yang berhasrat melakukan ibadah mulia ini sewajarnya memastikan binatang yang hendak dijadikan korban itu adalah yang terbaik dan berkualiti. Dalam erti kata lain, binatang itu mesti sihat, besar, berisi dan sempurna sifatnya atau tiada cacat celanya. Ciri-ciri ini selaras penjelasan Hadith daripada A’isyah RA, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Tidak ada satu amalan anak Adam di hari-hari Nahar (Hari-hari ‘Aidil Adha) yang paling Allah sukai selain daripada menumpahkan darah (menyembelih binatang korban), kerana ia (binatang korban) itu akan datang di hari kiamat nanti dengan tanduk dan kukunya dan bulu-bulunya (sebagai saksi ke atas ibadah korban tuannya), dan sesungguhnya darah (binatang korban itu) akan tumpah di sisi Allah di suatu tempat sebelum tumpah ke bumi, oleh itu pilihlah olehmu binatang terbaik (paling menarik) untuk dikorbankan.” (HR Hakim, Ibnu Majah dan At-Tirmizi)

PARA JEMAAH YANG MULIA,

Adalah sunat bagi seseorang Muslim yang melakukan ibadah korban turut memakan sebahagian daging, menyedekahkan sebahagian kepada kaum fakir miskin dan menghadiahkan sebagiannya kepada orang lain. Sabda Rasulullah SAW, maksudnya:

“Makan dan simpanlah serta sedekahkanlah (daging korban itu).” (HR Muslim).

Hakikatnya, ibadah korban itu mempunyai banyak kelebihan dan kistimewaannya. Antaranya ialah:

Pertama, untuk berbakti dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Kedua, pengagihan daging korban dapat melapangkan kehidupan golongan fakir miskin pada hari raya.

Ketiga, menzahirkan rasa syukur atas nikmat yang dikurniakan Allah .

Keempat, mentarbiah kaum Muslimin supaya sentiasa sedia mengorbankan sebahagian daripada nikmat yang dikurniakan Allah untuk membantu manusia lain yang memerlukan.

Kelima, mengikis sifat mementingkan diri sendiri dalam kehidupan harian dan;

Keenam, mengeratkan silaturahim serta ukhuwah di kalangan umat Islam.

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Kesimpulannya, ibadah korban berperanan mendekatkan diri (taqarrub) kepada Allah SWT dan mengeratkan silaturahim sesama Islam. Justeru, sementara kita masih diberi ruang dan kemampuan, marilah bersama-sama menyahut seruan ibadah korban dan bermunajat serta berdoa memohon kebahagiaan hidup dunia dan ukhrawi kepada Allah SWT. Mudah-mudahan segala hajat kita dimakbulkan-Nya.

وَكَذَلِكَ حَقَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّهُمْ أَصْحَابُ النَّارِ ﴿١﴾

Maksudnya: “Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang yang sombang takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku akan masuk neraka jahanam dalam keadaan hina.” (S. Al-Mukmin: 6).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَاللَّدْكُرُ الْحَكِيمُ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.